



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 10 SEPTEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	DON'T MISS THE 100th EDITION OF MAHA, NATION, THE STAR -7 16 NEGARA SERTAI MAHA 2024 -MOHAMAD, BERNAMA -ONLINE SAMBUTAN 100 TAHUN MAHA 1 HARI LAGI, MUKA DEPAN, KOSMO -1 MAHA 2024 SASAR 3 JUTA PENGUNJUNG, NEGARA, KOSMO -6 MAHA 2024 SASAR MOU RM6 BILION, DALAM NEGERI, UM -4 MAHA SEDIA TERIMA PENGUNJUNG, NASIONAL, BH -7 16 NEGARA SERTAI MAHA 2024, NASIONAL, SH -9 AGIH 72,000 TAN BPS UNTUK PESAWAH, NASIONAL, SH -23	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
9.	WASPADA TAKTIK LICIK GUNA LOGO JABATAN PERTANIAN TIPU DOKUMEN KERAJAAN, BULETIN TV3 -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
10. 11. 12. 13.	BANTERAS SPESIES IKAN BANDAR RAYA, LOKAL, HM -10 INVASIVE CATFISH ENDANGERING NATIVE FISHES, RIVER ECOSYSTEMS, NATIONAL, THE SUN -4 SEVERAL FISH SPECIES FACING EXTINCTION IN PERAK, NATIONAL, THE SUN -4 THE SUN, MUKA DEPAN -1	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14.	KERAJAAN NEGERI, NAFAS WAJAR TEROKA KERJASAMA TINGKATKAN PENGELUARAN PADI, NASIONAL, SH -9	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
15. 16.	SUPERMARKET OFFERING AFFORDABLE GOODS LAUNCHED IN SELANGOR, NATIONAL, THE SUN -4 RED ONION HUB INITIATIVE FOR BESUT, NATIONAL, THE SUN -4	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Don't miss the 100th edition of MAHA

SERDANG: The 100th edition of the Malaysia Agriculture, Horticulture and Agro-Tourism Exhibition (MAHA 2024) which opens tomorrow will serve as a platform to explore the latest advancements and innovations in Malaysia's agricultural sector, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

Expressing optimism about the event, which will not only feature high-tech solutions but also sustainable and resilient approaches that can drive the nation's economic growth, Mohamad said the event is ready to welcome the expected three million visitors.

In a media preview at the event site at MAEPS here yesterday, he said the event with the theme "Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom" will have eight key focus areas.

"With its history dating back to 1923, MAHA 2024 reflects the ministry's aspirations and goals to achieve success in facing today's challenges through innovation and targeted initiatives," he said of the 12-day event that aims to secure deals worth RM6bil through memoranda of understanding and agreements on the back of sales worth RM400mil.

The ministry is also targeting to receive 4,000 applications for grants and business matching worth up to RM600mil.

"MAHA 2024, which will take place until Sept 22, is making history by becoming the foremost and oldest agricultural exhibition in South-East Asia to surpass a century.



Green show: Mohamad and Arthur (front row, third and fourth from right) posing during the media preview. (Right) A visitor recording footage of MAHA 2024's Laman Padi exhibit at MAEPS, Serdang. — SAMUEL ONG/The Star

"I hope the visitors who come can continue to live up to MAHA until the night," he added, expressing his hope that the MRT will operate late into the night, which he plans to discuss with Prasarana Malaysia Bhd, the operator of train and bus services in the Klang Valley.

"With great publicity and good transportation, we are confident this will increase visitor attendance, in addition to other attractions like light shows, water displays and concerts by local celebrities in the evenings," he said. Children, too, will not be left



out, as they will have customised exhibitions that include magic shows, along with fitness-based programmes, and the opportunity to run their fingers through a rice field.

For those with diverse interests, there are also displays of glamping and motorhomes, among others.

Through MAHA Go Global, the ministry has promoted the event to foreign countries to display their agricultural technology, inspire local innovation, and explore investment potential in the country's agri-food sector through business matching.

There will also be exclusive business-to-business gatherings in the first three days (Sept 11-13) at Hall C of MAEPS for professional networking and dealmaking.

In this regard, 16 countries have confirmed their participation, including Japan, Thailand, Brunei, Indonesia, Hong Kong and several European countries.

MAHA 2024 looks not only at those growing things on land, but also livestock breeders as well as those in the fishing and aquaculture industry, thus providing a one-stop venue to disseminate information to stakeholders.

There will also be 13 pavilions from all Malaysian states, each displaying their respective unique offerings in the areas of art, culture, tourist attractions and cuisine, all working in sync to support the 48 segments that cover the entire ecosystem of the agrofood value chain, ranging from the conventional to the out-of-the-box in order to attract fresh talent into the industry.

Also present at yesterday's media preview were Mohamad's deputy Datuk Arthur Joseph Kurup, and ministry secretary-general Datuk Lokman Hakim Ali.

Further information on the event can be found at mahaofficial.my.

At its core, MAHA 2024 has all the elements needed to elevate it to a world-class event, with participation and involvement from various countries through the MAHA Go Global segment, which is a mechanism to catalyse the growth in the agricultural sector, increase exports and spur innovation.



Malay



AM > BERITA

16 Negara Sertai MAHA 2024 – Mohamad

🕒 09/09/2024 05:56 PM



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu (tiga kiri) bergambar koc MRT yang ditampal di sekitar kawasan MRT UPM Serdang bagi mempromosi sempena 100 Tahun Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di MAEPS, hari ini. Turut sama Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup (dua, kiri) dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana Mohd Azharuddin Mat Sah (kiri). --fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

SERDANG, 9 Sept (Bernama) -- Pempamer dari 16 negara termasuk Amerika Syarikat, China, Jepun dan Rusia akan menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 bermula 11 hingga 22 Sept ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata antara negara lain yang turut menyertai pameran dwitahunan bertemakan 'Menuai Harapan Membina Masa Hadapan' itu ialah Thailand, Brunei, Indonesia dan Hong Kong.

"Pempamer-pempamer luar ini akan bawa dan tunjukkan pelbagai barangan dan peralatan yang bersangkut paut dengan aspek pertanian termasuk melibatkan teknologi terkini seperti AI (Kecerdasan Buatan) dan Internet benda (IoT).



"Kita juga berazam untuk pastikan MAHA ini menjadi satu daya tarikan bagi meningkatkan penglibatan anak-anak muda dalam bidang pertanian dengan mengetengahkanya sebagai satu perusahaan yang mampu menjana pendapatan tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas meninjau persiapan penganjuran MAHA 2024 di MAEPS di sini hari ini, yang turut dihadiri Timbalan Menteri Datuk Arthur Joseph Kurup.

Mohamad berkata setakat ini persiapan penganjuran MAHA 2024 berjalan dengan baik termasuk mendapat kerjasama utuh daripada semua pihak terlibat.



"Saya boleh katakan lokasi dah 90 peratus bersedia untuk mula menerima kehadiran pengunjung bermula Rabu ini dengan baki kira-kira dua hari ini kita akan bekerja 24 jam untuk pastikan segalanya disempurnakan.

"Baki 10 peratus persiapan itu pun cuma melibatkan sentuhan akhir misalnya melepaskan anak-anak ikan ke dalam kolam, membawa masuk haiwan ternakan ke kawasan pameran selain menanam pokok-pokok bersifat sensitif yang lebih baik dilakukan pada waktu hampir dengan tarikh MAHA bermula," katanya.

Beliau berkata kementerian juga sedang berusaha supaya operasi pengangkutan awam seperti Transit Aliran Massa (MRT) dilanjutkan bagi memudahkan kedatangan pengunjung memandangkan pameran itu dibuka hingga 10 malam.

"Dengan publisiti yang hebat, aspek pengangkutan baik, kita yakin ini akan meningkatkan kehadiran pengunjung ditambah tarikan lain seperti pertunjukan cahaya, pertunjukan air selain konsert daripada selebriti tanah air pada sebelah malam," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2024	KOSMO	MUKA DEPAN	1



The poster features the Malaysian coat of arms at the top, followed by the text 'KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERSEKUTUAN MAKANAN'. The main title 'SAMBUTAN 100 TAHUN MAHA' is prominently displayed, with a large '1' and 'hari lagi' below it. The dates '11-22 SEPTEMBER 2024' and the location 'MAEPS SERDANG, SELANGOR' are listed. Logos for 'MAHA 100', 'MALAYSIA MADANI', and 'Harvesting Tomorrow' are included. Social media handles and the official website are provided at the bottom.

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERSEKUTUAN MAKANAN

**SAMBUTAN 100 TAHUN
MAHA**

1
hari lagi

11-22 | **MAEPS**
SEPTEMBER 2024 | SERDANG, SELANGOR

MAHA 100
MALAYSIA MADANI
Harvesting Tomorrow

@MAHAOfficial
mahaofficial.my

@kpkmmalaysia
www.kpkmm.gov.my

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2024	KOSMO	NEGARA	6



MOHAMAD pada Media Tour MAHA 2024 di Maeps. Serdang semalam.

MAHA 2024 sasar 3 juta pengunjung

SERDANG – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menasaskan RM6 bilion nilai memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) dimeterai pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penganjuran MAHA 2024 yang berlangsung selama 12 hari bermula 11 hingga 22 September itu turut menasaskan RM40 juta nilai jualan langsung.

"Kami optimis dan bersiap sedia untuk menerima tiga juta pengunjung pada penganjuran kali ini bersempena 100 tahun MAHA sejak 1923.

"Selain itu, kami juga menasaskan RM600 juta potensi pembiayaan dan padanan perniagaan melalui jangkaan 4,000 permohonan dengan 10 juta capaian media," katanya pada sesi Media Tour MAHA 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) di sini semalam.

Bertema *Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom*, MAHA 2024 mencerminkan aspirasi dan matlamat KPKM untuk menuai kejayaan di masa hadapan dengan usaha dan inovasi diterokai semalam.

Mohamad Sabu berkata, MAHA 2024 menetapkan lapan fokus utama iaitu Sambutan 100 Tahun MAHA, Pertanian, Kelestarian, Modal Insan MADANI, Teknologi, Agro Pelancongan, MAHA Go Global dan Pelaburan.

"Sehingga kini 16 negara telah mengesahkan penyertaan antaranya Jepun, Thailand, Brunei, Indonesia, China, Rusia, Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah.

"MAHA Go Global bertin-

dak sebagai pemangkin pertumbuhan perniagaan dalam sektor pertanian dan hortikultur, meningkatkan eksport dan menggalakkan inovasi," ujarnya.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, pelbagai kemudahan untuk pengunjung telah ditambah baik termasuk pengangkutan untuk ke MAHA 2024.

"Bas perantara secara percuma disediakan kepada pengunjung di beberapa lokasi antaranya di stesen Transit Aliran Masa (MRT) UPM, Putrajaya Wetland, IOI City Putrajaya.

"Turut disediakan 10 unit tram, empat unit trektor dan gerabak, 30 unit bas, kemudahan motosikal bersama penunggang dan *buggy*.

"Untuk pengunjung yang juga orang kelainan upaya (OKU), pihak kami menyediakan parkir laluan masuk di pintu 1 dan 2," ujarnya.

MAHA 2024 menampilkan beberapa tarikan baharu seperti *Magical At Night and Water Show*, *Kids Attraction*, *Rhythm of Farmers*, *Agro Fit*, *Sunflower Garden* dan *Floating Market*.

Penganjuran kali ini turut menampilkan 48 segmen menarik melibatkan aktiviti pameran dan jualan meliputi seluruh ekosistem berkaitan rantaian nilai agromakanan.

"Antaranya, Agro-Tech, Agro-Lifestyle, Agro-Tourism dan Agro-Youth, Agro-Food Padi, Agro-Food Florikultur, Agro-Food Nanas, Agro-Food Sayuran & Herba dan Agro-Food Ternakan," katanya.

Di samping itu, terdapat juga 13 pavilion negeri yang masing-masing mempunyai reka bentuk yang unik dengan menampilkan ciri-ciri negeri di Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

MAHA 2024 sasar MoU RM6 bilion

SERDANG: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyasarkan RM6 bilion nilai memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) akan dimeterai pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, MAHA 2024 yang berlangsung selama 12 hari bermula esok hingga 22 September ini turut menyasarkan RM40 juta nilai jualan langsung.

Menurut beliau, pihaknya optimis dan bersedia sedia untuk menerima seramai tiga juta pengunjung yang disasarkan pada penganjuran kali ini bersempena 100 Tahun MAHA sejak bermulanya pada 1923.

"Turut menjadi sasaran adalah RM600 juta potensi pembiayaan dan padanan perniagaan dengan jangkaan 4,000 permohonan dan 10 juta capaian media.

"MAHA 2024 akan menjadi platform mengeksplorasi potensi dan inovasi sektor pertanian yang maju dan berteknologi tinggi, serta berdaya saing dalam memacu



MOHAMAD Sabu meninjau gerai pameran sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di MAEPS, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

negara luar bagi turut serta memamerkan teknologi pertanian, memadan perniagaan bersama usahawan tempatan serta membuka peluang potensi pelaburan kepada sektor agromakanan negara.

"Sebanyak 16 negara telah mengesahkan penyertaan antaranya Amerika Syarikat, Jepun, Thailand, Brunei, Indonesia, Russia, Hong Kong dan beberapa negara Eropah.

"MAHA Go Global bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan perniagaan dalam sektor pertanian dan hortikultur, meningkatkan eksport dan menggalakkan inovasi," jelasnya.

Tambahnya, bertemakan 'Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom', MAHA 2024 mencerminkan aspirasi dan matlamat untuk menuai kejayaan masa hadapan dengan usaha dan inovasi yang diterokai.

Selain itu, pelbagai kemudahan turut disediakan kepada pengunjung iaitu laluan pejalan kaki berbunga, bas perantara percuma dari Transit Aliran Masa (MRT) UPM, Putrajaya Wetland dan IOI City Putrajaya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	7



Mohamad bersama timbalannya, Datuk Arthur Joseph Kurup (dua dari kanan) serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Mohd Azharuddin Mat Sah (tiga dari kanan) pada Program Media Tour MAHA 2024 di MAEPS, Serdang, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)



Petugas landskap menyusun pokok bunga matahari yang menjadi tarikan terbaharu ketika persiapan MAHA 2024, semalam.

MAHA sedia terima pengunjung

Tiga juta dijangka kunjungi tapak pameran sehingga 22 September

Oleh **Essa Abu Yamin**
essabuyamin@bh.com.my

Serdang: Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang dijadual bermula 11 hingga

pameran itu akan bersedia sepenuhnya dengan pelbagai program dan acara menarik yang akan berlangsung sepanjang tempoh berkenaan.

"MAHA 2024 bersiap sedia untuk menerima tiga juta pengunjung yang disasarkan pada penganjuran kali ini bersempena 100 tahun MAHA," katanya kepada pemberita pada Program Media Tour MAHA 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia

(MAEPS) di sini, semalam.

16 negara sertai MAHA 2024

Mohamad berkata, sebanyak 16 negara menyertai MAHA 2024, termasuk Amerika Syarikat (AS), China, Russia, Jepun, Thailand, Brunei, Indonesia.

Media Tour MAHA 2024 adalah sebahagian daripada aktiviti khas Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama media bagi meninjau

persiapan di tapak selain bertujuan untuk mempromosi MAHA 2024 yang menjadi pameran pertanian terbesar dan berprestij.

MAHA 2024 bakal menampilkan pelbagai produk baharu berkaitan pertanian bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi tempatan dan luar negara, strategi pemasaran dan pengeluaran secara efektif serta pendekatan lain yang mampu membantu sektor terbahit.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

16 negara sertai MAHA 2024

Antara negara terlibat ialah AS, China, Rusia, Jepun, Thailand, Brunei dan Indonesia

Oleh DIANA AZIS
SERDANG

Sebanyak 16 negara telah mengesahkan penyertaan dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang akan berlangsung Rabu ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, antara negara terlibat termasuk Amerika Syarikat (AS), China, Rusia, Jepun, Thailand, Brunei dan Indonesia.

"Dalam tinjauan men-



Mohamad (tiga dari kanan) tiba di stesen MRT UPM ketika lawatan bersama media ke tapak MAHA di MAEPS, Serdang pada Isnin.

dapati sudah lebih 90 peratus (persiapan) sudah siap, hanya perkara terakhir misalnya nak lepaskan anak ikan, bawa (masuk) lembu dan letak pokok-pokok sensitif.

"Semua itu perlukan masa yang lebih dekat dengan hari MAHA. Harap acara ini berjalan

dengan lancar," katanya selepas sesi lawatan media sempena MAHA 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini pada Isnin.

Menurut Mohamad, penyertaan negara luar yang akan mempamerkan peralatan serta teknologi berkaitan pertanian

terkini mampu membuka peluang kepada petani tempatan berkongsi ilmu serta pengalaman masing-masing.

"Saya berkeyakinan kehadiran orang ramai tahun ini akan meningkat kerana kempen dan publisiti dilakukan sangat hebat. "Malah Kementerian turut

berazam supaya pertanian negara dapat dipertingkatkan dalam semua bidang termasuk mekanisme peralatan melibatkan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dan Internet Kebendaan (IoT)," ujarnya.

Sementara itu, Mohamad menegaskan, Malaysia akan terus menjuarai hab halal global dan usaha itu akan berterusan.

Malah beliau berpandangan, kenyataan segelintir pihak mengenai isu pensijilan halal merupakan pandangan peribadi yang tidak mewakili pihak berkepentingan.

"Itu (isu sijil halal) adalah pandangan peribadi dan Malaysia akan terus menjuarai hal hab halal.

"Pandangan yang bersifat peribadi akan berbalu, sebab isu *contradict* (bertentangan) sentiasa timbul tetapi akan berbalu. Yang penting Malaysia memang terkenal dengan hab halal di seluruh dunia ketika ini," kata beliau.

Kerajaan negeri, NAFAS wajar teroka kerjasama tingkatkan pengeluaran padi

GURUN - Kerajaan negeri menyarankan agar Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menerusi syarikat subsidiarinya, Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB) memperluaskan bentuk kerjasama dalam meningkatkan kemajuan sektor pertanian.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, kerjasama tersebut bukan sahaja dalam pengeluaran baja berkualiti tinggi, sebaliknya meneroka bidang lebih jauh termasuk menjayakan program Gelombang Padi Kedah.

Menurutnya, ia selari dengan hasrat kerajaan negeri meningkatkan pengeluaran padi menerusi tanaman lima kali dalam dua tahun.

"Saya melihat usaha dijalankan NAFAS menerusi MNFSB mempunyai potensi cukup besar untuk menjayakan agenda kerajaan dalam sektor pertanian.

"Saya dapati ada banyak ruang yang perlu diaktifkan menerusi jalinan kerjasama lebih erat antara peladang, agensi seperti NAFAS dan kerajaan negeri untuk meningkatkan hasil ladang bagi memenuhi keperluan keterjaminan makanan," katanya dalam ucapan ketika mengadakan lawatan kerja ke kilang MNFSB pada Ahad.

Hadir sama, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob; Pengerusi Lembaga Pengarah MNFSB, Datuk Aimi Jusoh dan Ketua Pegawai



Sanusi (tiga dari kanan) ketika melawat operasi kilang Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd pada Ahad.

Eksekutif MNFSB, Abdul Halim Hamzah.

Sanusi berkata, kerjasama lain termasuk memperkasakan sektor pertanian di negeri SG4 (Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu) yang mempunyai kekuatan dalam sektor pengeluaran makanan seperti padi dan buah-buahan.

"Kedah mengeluarkan 43 peratus

keperluan beras negara. Terengganu negeri pengeluar tembikai utama. Kita mahu memaksimumkan potensi ekonomi dan memacu pertumbuhan secara berfokus melibatkan kelebihan dan kekurangan masing-masing," ujarnya.

Menurutnya, antara usaha sama lain termasuk program Smart Sawah

Berskala Besar (SBB) Asnaf kelolaan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN) selama dua musim dan akan diteruskan sebagai antara komponen Gelombang Padi Kedah.

Dalam pada itu, MNFSB memaklumkan, pihaknya bersama Petronas Chemical Fertilizer Kedah Sdn Bhd (PCFKSB) telah mengorak langkah dalam inovasi baja dengan penggunaan formulasi baharu yang mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi.

"Penggunaan formulasi ini mencatatkan peningkatan dan hasil konsisten bagi keseluruhan kawasan 200 hektar.

"MNFSB juga terlibat dengan projek

tanaman padi LZKN di Chepir, Sik menggunakan sepenuhnya pakej baja lengkap, iaitu perapi tanah (Silgrow Plus), baja pertama atau dikenali baja campuran (formulasi baru), baja ketiga atau NPK tambahan (formulasi baharu) dan baja keempat (Ultra K)," katanya.

Menurutnya lagi, penggunaan input ini telah menunjukkan hasil membe-rangsangkan dengan peningkatan purata tiga metrik tan untuk keseluruhan kawasan seluas 12 hektar.

"Kawasan ini telah ditinggalkan selama tiga tahun kerana tidak dapat mengeluarkan hasil yang baik kepada pengusahanya sebelum ini," katanya.

Selain itu, kerjasama strategik bersama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pula melibatkan kajian penggunaan formulasi baharu ini di empat wilayah MADA bagi mendapatkan data teknikal yang diperlukan untuk tindakan selanjutnya.

"Inisiatif ini diambil dalam kerangka memenuhi aspirasi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui program Gelombang Padi yang diperkenalkan awal tahun ini.

"MNFSB terus komited untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik di Kedah dan meneruskan usaha inovasi yang mampu meningkatkan hasil padi negeri ini sesuai dengan jolokan Kedah sebagai negeri Jelapang Padi," katanya.

Agih 72,000 tan BPS untuk pesawah

Isu kekurangan timbul apabila ada pesawah hanya mahu varieti padi yang mereka inginkan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN
TAHIR
SABAK BERNAM

Kerajaan menyediakan kira-kira 72,000 tan benih padi sah (BPS) setiap tahun bagi kegunaan pesawah di seluruh negara.

Pengarah Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman (BKKT), Jabatan Pertanian Malaysia, Azreen Basir berkata, kuantiti BPS mencukupi dan akan ditambah sekiranya terdapat keperluan dalam negara.

Menurutnya, pesawah tidak perlu panik terutama bagi mereka yang hanya tertumpu kepada satu varieti padi tertentu hingga menyebabkan bekalanannya tidak mencukupi.

"Sebenarnya tiada isu kekurangan BPS, sebaliknya timbul apabila terdapat peningkatan permintaan pesawah terhadap varieti mereka inginkan."

"Pesawah diharap dapat memilih dan bersedia menanam varieti lain yang mampu memberi hasil tinggi," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Sehubungan itu, Azreen berkata,

pihaknya dilantik sebagai Agensi Pengesah oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPMM) memastikan semua pesawah menggunakan BPS bagi tujuan penanaman padi melalui Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP).

"SPBP merupakan sistem perakuan kualiti bagi mengeluarkan dan membekal benih padi untuk tujuan penanaman mengikut syarat dan piawaian ditetapkan."

"Pesawah dinasihatkan tidak membeli benih padi yang tidak mendapat pengesahan Jabatan Pertanian atau dikenali sebagai 'beg putih'," katanya.

Tambahnya, penggunaan beg putih dikhuatiri menyebabkan berlaku isu berkaitan masalah padi angin, penyakit dan perosak yang boleh menjejaskan kualiti serta industri padi negara.

"Isu penggunaan beg putih semakin berkurangan pada masa sekarang ekoran peningkatan kos benih dan seumpamanya kerana tidak menerima insentif pengeluaran benih RM1.03 sen sekilogram," katanya.

Jelas Azreen, bagi menentukan kualiti biji benih padi, pengeluar dilantik KPMM perlu mematuhi standard ditetapkan pihaknya.

Beliau berkata, aspek penting ditetapkan di SPBP melibatkan pematuan kepada ketetapan sumber dan generasi benih digunakan, selain piawaian ditetapkan melalui pemeriksaan ladang serta loji, pengujian biji benih serta perakuan benih.

"Tujuan pelaksanaan pemeriksaan ladang benih adalah untuk menentukan benih diperoleh petani daripada hasil benih ditetapkan, baka tidak tercemar, ke-



Azreen melihat ujian dilakukan di Makmal Ujian Biji Benih Padi Jabatan Pertanian.

tulen tinggi dan mencapai standard kualiti.

"Kaedah pemeriksaan ladang benih padi dilakukan pada empat peringkat iaitu peringkat pratanam, tampang, berbunga dan pratuai," katanya.

Pemeriksaan pratanam

Mengulas lanjut, Azreen berkata, pemeriksaan peringkat pratanam dilakukan pegawai inspektorat bagi memeriksa sumber benih, kategori dan varieti benih digunakan, keadaan keseluruhan sawah berdasarkan rekod penanaman bagi musim lepas, peralatan digunakan dalam penyediaan sediaan dan penanaman dalam keadaan bersih serta bebas daripada lain-lain benih padi.

"Seterusnya, pengeluar benih perlu mengemukakan jadual penanaman sebenar selewat-lewatnya 14 hari selepas ditanam."

"Bagi pemeriksaan peringkat tampang, pengeluar benih perlu melaksanakan perkara seperti memasang papan tanda lot, mengesahkan keluasan sebenar ladang benih, memastikan varieti ditanam memenuhi ciri-ciri benih dan perkara lain berkaitan," katanya.

Bagi pemeriksaan peringkat berbunga pula, Azreen berkata, pegawai inspektorat harus memastikan pengeluar benih menanam varieti memenuhi ciri-ciri benih dipohon, tiada pokok takai dan melakukan penakalan bagi menghindari pencemaran daripada semua jenis pokok takai, rumpai atau perosak sebelum laporan dikemukakan kepada BKKT Negeri.

"Pemeriksaan keadaan keseluruhan kawasan pula dilakukan ketika pratuai secara *eye score* berdasar peringkat pertumbuhan."

"Selain itu, pegawai inspektorat juga hendaklah memastikan ladang benih mematuhi piawaian ladang, menentukan kawasan mesti ditolak akibat serangan serangga dan penyakit, pertumbuhan pokok kurang baik, cuaca buruk dan faktor lain."

"Peringkat ini juga menentukan sama ada pemeriksaan ulangan perlu dijalankan atau tidak, menyemak jadual penuaian,

pemeriksaan logistik, penghantaran ke loji pemprosesan benih dan menentukan ladang benih tidak mematuhi piawaian ladang sebelum laporan perakuan pemeriksaan ladang dikeluarkan kepada pengeluar benih padi," katanya.

Beliau berkata, prosedur seterusnya adalah pemeriksaan loji pemprosesan benih padi bagi memastikan loji tersebut mempunyai peralatan bersesuaian dalam keadaan bersih, teratur, bebas daripada perosak bijirin, tiada sebarang pencemaran atau percampuran varieti dan aktiviti pemprosesan benih mencapai piawaian ditetapkan.

"Pemeriksaan loji adalah mandatori dan akan dilaksanakan sebelum aktiviti pemprosesan bermula pada setiap musim atau sama ada berlaku pertukaran varieti bagi setiap rantaian pengeluaran atau berlaku pertukaran kategori benih sah kepada benih daftar bagi varieti sama," jelasnya.

Selain itu, Azreen memberitahu, sebelum perakuan pengesahan kualiti benih padi, sampel benih diambil daripada pengeluar akan melalui ujian makmal sebagai salah satu prasyarat dalam proses pengesahan BPS.

Jelasnya, ujian itu dilakukan bagi menentukan sama ada benih padi diproses memenuhi piawaian biji benih seperti ditetapkan Malaysia Standard MS469:2012 AMD 1:2014 *Specification for Rice (Oryza sativa) Seed for Planting* dan Standard Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM).

Katanya, semua sampel akan diuji mengikut kaedah pelaksanaan ujian biji benih berbandukan kepada Malaysia Standard MS320:2008 - *Methods of Sampling & Test for Seeds* dan peraturan *International Seed Testing Association* (ISTA).

"Empat jenis ujian utama dijalankan di Makmal Ujian Biji Benih (MUBB) bagi penentuan kualiti biji benih iaitu ujian kelembapan, ketulen fizikal, percambahan dan carian biji lain termasuk ujian kelembapan," katanya.



Azreen (dua dari kanan) menunjukkan roda komponen hasil padi yang menjadi panduan pesawah.



Azreen (tengah) bersama pegawai pertanian memantau tanaman padi di Sabak Bernam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

Waspada taktik licik guna logo Jabatan Pertanian tipu dokumen kerajaan



PUTRAJAYA: Jabatan Pertanian menasihatkan semua pihak agar menggunakan Sistem e-Perolehan serta Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (iGFMAS) bagi setiap permohonan bekalan dan perkhidmatan dengan jabatan berkenaan.

Ini kerana Jabatan Pertanian menerima aduan berkaitan kes penipuan dokumen pesanan kerajaan yang dilakukan oleh pihak tertentu menggunakan logo jabatan tersebut bagi tujuan memperdaya syarikat untuk menyediakan bekalan dan perkhidmatan.

“Taktik licik oleh pihak tertentu itu telah menyebabkan pihak syarikat pembekal telah terpedaya dan mengalami kerugian kerana tiada sebarang permohonan bekalan dan perkhidmatan dibuat oleh Jabatan Pertanian,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Jabatan Pertanian memandang serius terhadap isu yang berlaku kerana menimbulkan tanggapan negatif masyarakat terhadap Jabatan Pertanian serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Selain itu, pihak yang terlibat terutama syarikat pembekal disaran untuk menghubungi Jabatan Pertanian terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa bekalan dan perkhidmatan yang dikemukakan oleh pihak tertentu.

Ia bagi mengelakkan kes penipuan yang sama daripada berulang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2024	HARIAN METRO	LOKAL	10



IKAN bandar raya yang dijala di Sungai Kampung Kayu Ara.

Banteras spesies ikan bandar raya

Seremban: Jabatan Perikanan Negeri Sembilan akan mengadakan program memburu ikan bandar raya di Sungai Kampung Kayu Ara, Mambau di sini, bulan depan.

Pengarahnya Kasim Tawe berkata, pihaknya membuat pemantauan di sungai berkenaan pada 4 September lalu sebaik menerima aduan daripada orang ramai mengenai kewujudan spesies ikan itu.

Katanya, pemantauan dilakukan bersama Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya (KPIB) bersama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kayu Ara.

“Pensampelan turut dijalankan dengan menggunakan jala dan sebanyak 41 ikan berkenaan berjaya ditangkap dengan sekali tebar sahaja.

“Ini membuktikan spesies ikan berkenaan sudah membiak di sungai berkenaan dan ia membimbangkan,” katanya.

Menurutnya, bagi mengatasi masalah itu, pihaknya bersama KPIB dan JPKK Kayu Ara akan melaksanakan Program Inventori Perikanan dan Buru Ikan Asing di sungai berkenaan, 12 dan 13 Oktober ini.

Katanya, Sungai Kampung Kayu Ara sudah tercemar teruk dengan pencerobohan ikan asing terutama ikan bandar raya.

“Kita tidak menolak kemungkinan ikan itu dilepaskan ke dalam sungai oleh pihak tidak bertanggungjawab yang cetek pengetahuan mengenai risiko sekiranya ikan itu dilepaskan ke perairan umum,” katanya.

Invasive catfish endangering native fishes, river ecosystems

► Immediate action needed to control three South American species to avoid long-term devastation, says expert

■ BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: A marine biologist has raised the alarm over three invasive South American catfish species that are threatening native fishes in the country's riverine ecosystem.

Universiti Putra Malaysia Biology Department senior lecturer Prof Dr Mohammad Noor Amal Azmai identified the three species as the Amazon sailfin (*Pterygoplichthys pardalis*), the suckermouth (*Hypostomus plecostomus*) and the vermiculated sailfin (*Pterygoplichthys disjunctivus*), which is found in huge numbers in Klang Valley rivers.

"The three catfish species can inflict serious long-term damage to our riverine ecosystems if their breeding is not curtailed. In time, they will decimate our native freshwater fish species as they overpopulate our rivers."

"While there have been occasional operations to catch and remove these catfish from our rivers, more concerted efforts and urgent steps must be taken to control their breeding before it

is too late."

Mohammad Noor said what is alarming is that the three catfish species have also been found invading the aquatic ecosystems in protected forest reserves.

He added that the fish will first compete with native fishes for food, habitat and space, reducing their populations.

"Over time, they will invade more resources, leading to the extinction of native fishes. Their numbers are currently overwhelming some rivers, and dominating and monopolising resources in our riverine ecosystem."

Mohammad Noor also warned that these catfish destabilise riverbeds by digging nests for mating and laying eggs, leading to riverbank erosion and increased water turbidity, which negatively affects the breeding grounds of native fishes.

He said the sailfin catfish has a high reproductive rate and can survive in environments with poor water quality, which is why controlling it is challenging.

"Any biological control carries the risk of causing further ecological degradation. The overpopulation of these catfish negatively impacts water quality and the overall health of river ecosystems."

"Their burrowing behaviour increases water turbidity, reducing light penetration and hinders photosynthesis in aquatic plants. It also lowers oxygen levels in the water, killing plants and other marine animals."

Mohammad Noor said although the sailfin catfish found in Malaysia is an invasive alien species, there are no legal restrictions or

prohibitions against importing it.

"This species was likely introduced into our waterways through accidental or intentional release. There have also been reports of releases tied to religious ceremonies."

Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya committee for Aquatic Ecosystem Conservation and Local Freshwater Fish executive council member Muhammad Zulkifli Mokhtar said invasive fish are found in many places in the Klang Valley, especially in the Klang, Damansara and Langat rivers.

"Last week, 1.14 tonnes of sailfin catfish were caught in the Damansara river within just two hours. It was one of the largest ever recorded efforts to control the species."

"They eat the eggs of local fish breeds, leading to a decline in the local freshwater fish population."

Muhammad Zulkifli said the sailfin catfish population is increasingly uncontrollable in Malaysia due to a lack of predators. It also produces more waste than other fish, leading to a decline in water quality due to elevated ammonia levels.

"Additionally, the fish is not consumed, which allows their numbers to grow unchecked. Growing river pollution and the detrimental effects of the sailfin catfish has reached a critical level, making the water unsafe for human consumption."

He said by reducing the population of invasive fish, native ones can re-establish their habitats and access sufficient food, allowing them to repopulate without competition from the invasive species.

Several fish species facing extinction in Perak

PARIT: The Perak Fisheries Department has identified several fish species in Sungai Perak, Bukit Merah Lake and Temenggor Lake as being threatened with extinction.

State Rural Development, Plantation, Agriculture and Food Industry Committee chairman Datuk Mohd Zolkafly Harun said species such as the *kelah*, *temoleh*, *kelisa*, *lampam sungai*, *bujuak* and *patin buah*, which are of high market value, are facing critical threats.

"Recent information indicates that various threats are causing a decline in the population of native fish in Perak, pushing them towards extinction due to predation by invasive species."

"This not only threatens the fish population and their habitats but could also impact the livelihoods of local fishermen," Mohd Zolkafly said at the closing ceremony of the Foreign Fish Hunt event at the Ngah Sagor Hall on Sunday.

He said some individuals would release their pet fish into rivers or lakes when the fish became too large and difficult to manage. Activities such as releasing fish for religious rituals have also contributed to the influx of invasive species.

"The Perak Fisheries Department will hold meetings with ornamental fish traders and representatives from temples and shrines to explain that foreign fish should not be used for these rituals."

Mohd Zolkafly also said the department is studying and considering improvements to the Perak Fisheries (Riverine) Rules 1992 to ensure they are relevant to current conditions and legal standards.

The need to amend these regulations arises from, among others, the uncontrolled release of foreign fish.

"Once the study is complete, the proposed improvements will be presented to the state executive council for approval and to the state legislative assembly for amendments," he added. - Bernama

Supermarket offering affordable goods launched in Selangor

KUALA LUMPUR: The Selangor government, through the Selangor Agricultural Development Corporation, has launched Ehsan Mart, a supermarket offering essential goods at prices 10% to 15% lower than market rates.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said Ehsan Mart is a continuation of the *Jelajah Ehsan Rakyat* programme organised by the corporation since August 2022, aimed at providing access to essential goods at affordable prices.

"Ehsan Mart has been introduced as a more systematic and sustainable sales platform in response to very positive feedback from the public."

"Since the launch of the programme, over 4,000 locations across Selangor have been visited, with a total subsidy expenditure of RM58.7 million," he said during the opening of the first Ehsan Mart in Selayang on Sunday.

Amirudin added that the establishment of Ehsan Mart aligns with the state government efforts to proactively address rising prices and food security issues.

"It is hoped that Ehsan Mart would serve as a strategic approach to connect with the public and help alleviate their cost of living burden."

Meanwhile, Selangor Agricultural Development Corporation group CEO Datuk Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi said the agency plans to open 56 Ehsan Mart branches across Selangor within the next three years.

"Ehsan Mart will also function as a food distribution centre in the event of a disaster or emergency. It will be managed by the corporation's subsidiary, PKPS Ehsan Agrotech



Amirudin showing some of the goods available at the supermarket, accompanied by Mohamad Khairil (right) and Infrastructure and Agriculture expc izham Hashim (left). - BERNAMAPIIC

Sdn Bhd," he added.

The corporation is a subsidiary of the state government, established under Enactment No. 12 of 1972 (amended in 1976, 1982, and 2005). It is responsible for driving the agriculture and agro-food sectors, in line with socio-economic

development through various high impact commercial projects and corporate social responsibility programmes.

More information may be obtained at its website www.pkps.gov.my/en/ or on its Facebook page. - Bernama

Red onion hub initiative for Besut

JERTIH: The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) aims to establish Besut as a hub for red onion cultivation in Terengganu.

Its director-general Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani said the initiative will be realised through a pilot project in collaboration with Politeknik Besut in Bukit Keluang.


"Politeknik Besut will pioneer large-scale red onion cultivation in Terengganu, and also represent the first collaborative project between MARDI and a public institution of higher learning in the country."

"In the initial phase, the BAW-1 variety of red onions, developed by MARDI, will be planted on a 0.16ha plot owned by the polytechnic," he said during his visit to the project site at the polytechnic on Sunday.

Also present were Polytechnic Education and Community Colleges (Governance) Department deputy director-general Kamaludin Daud, Politeknik Besut director Udom Ewon and MARDI Terengganu director Khadijah Awang.

Mohamad Zabawi added that MARDI plans to expand the project to 3ha by the end of the year, as Politeknik Besut has 14ha of suitable and vacant land. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2024	THE SUN	MUKA DEPAN	1



The sinister marauders are present in large numbers at most urban rivers and water channels.
-AMIRUL SYAFIQ/THE SUN